

ANALISIS KEPERLUAN BAGI PEMBANGUNAN MODUL LITERASI MESRA DISLEKSIA: PERSPEKTIF IBU BAPA

(Needs Analysis for the Development of a Dyslexia-Friendly Literacy Module: Parents' Perspectives)

MOHD SHAHRIL IQBAL BIN OTHMAN*, WAN MUNA RUZANNA BINTI WAN MOHAMAD & SYAR MEEZE BIN MOHD RASHID

ABSTRAK

Kajian ini melaporkan Fasa Pertama daripada pendekatan *Design and Development Research (DDR)* yang menumpukan kepada analisis keperluan pengguna sebagai asas kepada pembangunan *Modul Literasi Mesra Disleksia (BACAdys)*. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi ibu bapa dalam membimbing anak disleksia membaca di rumah serta meneliti ciri modul bacaan mesra disleksia yang diutamakan, termasuk aspek kolaborasi dengan guru. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur bersama enam orang ibu bapa kepada murid disleksia, ditranskripsikan secara verbatim dan dianalisis secara tematik menggunakan perisian NVivo. Analisis menghasilkan tiga tema utama dan enam subtema. Tema pertama menjelaskan cabaran literasi di rumah, merangkumi pergantungan kepada kaedah pengajaran tradisional, keterbatasan bahan bacaan yang sesuai, ketiadaan panduan praktikal serta kesukaran yang berpunca daripada tumpuan, ingatan dan emosi anak. Tema kedua menumpukan kepada keperluan reka bentuk modul bacaan mesra disleksia, termasuk penggunaan visual mesra kognitif, integrasi aktiviti multisensori dan interaktif, struktur pembelajaran progresif berdasarkan tahap literasi, serta sokongan digital melalui kod QR dan video pengajaran. Tema ketiga pula menekankan kepentingan kolaborasi antara rumah dan sekolah melalui penyelarasan strategi pengajaran, peningkatan pengetahuan guru mengenai disleksia serta pelaksanaan bengkel praktikal untuk ibu bapa. Dapatan kajian ini menyediakan asas empirikal yang kukuh bagi pelaksanaan Fasa 2 (reka bentuk dan pembangunan) serta Fasa 3 (uji kebolegunaan) modul BACAdys, iaitu modul bacaan berasaskan lembaran kerja dan pendekatan multisensori. Secara keseluruhannya, kajian ini memperkukuh wacana pendidikan inklusif di Malaysia dengan menegaskan keperluan modul bacaan yang berstruktur, mesra pengguna dan berteraskan kerjasama erat antara ibu bapa dan guru dalam menyokong literasi murid disleksia.

Kata kunci: disleksia, literasi, ibu bapa, modul bacaan, multisensori, pendidikan inklusif

ABSTRACT

This study reports Phase 1 of a Design and Development Research (DDR) approach focusing on the needs analysis of users as the foundation for developing the BACAdys Dyslexia-Friendly Literacy Module. The study aimed to identify the challenges faced by parents in

Please cite this article as: Mohd Shahril Iqbal bin Othman, Wan Muna Ruzanna binti Wan Mohamad & Syar Meeze bin Mohd Rashid. 2025. Analisis Keperluan bagi Pembangunan Modul Literasi Mesra Disleksia: Perspektif Ibu Bapa, *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 26(1):90-106

supporting their children with dyslexia in home-based reading activities and to explore the essential features of a dyslexia-friendly reading module, including aspects of collaboration with teachers. Data were collected through semi-structured interviews with six parents of children diagnosed with dyslexia, transcribed verbatim, and analysed thematically using NVivo software. The analysis generated three main themes and six subthemes. The first theme highlighted the challenges of home-based literacy, including reliance on traditional teaching methods, limited availability of appropriate reading materials, lack of practical guidance, and difficulties arising from children's attention, memory, and emotional regulation. The second theme focused on the desired characteristics of a dyslexia-friendly reading module, including cognitively supportive visual design, integration of multisensory and interactive activities, progressive structure based on literacy levels, and digital support through QR codes and instructional videos. The third theme underscored the importance of home-school collaboration through consistent teaching strategies, improved teacher understanding of dyslexia, and the provision of practical workshops for parents. These findings provide a strong empirical foundation for Phase 2 (design and development) and Phase 3 (usability testing) of the BACAdys module, a worksheet-based literacy intervention grounded in a multisensory approach. Overall, this study contributes to the discourse on inclusive education in Malaysia by emphasising the need for structured, user-friendly reading modules supported through effective collaboration between parents and teachers in fostering literacy among children with dyslexia.

Keywords: dyslexia, literacy, parents, reading module, multisensory, inclusive education

PENGENALAN

Literasi merupakan asas utama kepada pembangunan akademik, sosial dan emosi individu. Keupayaan membaca dan menulis bukan sahaja menentukan kejayaan dalam pendidikan, malah menjadi prasyarat kepada penyertaan aktif dalam masyarakat berasaskan maklumat. Namun, bagi kanak-kanak disleksia, pemerolehan literasi merupakan proses yang kompleks dan mencabar akibat kelemahan dalam pemprosesan fonologi, pengecaman perkataan, serta automasi bacaan, meskipun mereka mempunyai tahap intelek normal dan akses pendidikan mencukupi (Shaywitz et al., 2021; Snowling & Hulme, 2020). Secara global, prevalens disleksia dianggarkan melibatkan antara 5 hingga 10 peratus populasi murid, manakala laporan *International Dyslexia Association* menunjukkan kadar tersebut boleh mencecah 15 hingga 20 peratus populasi umum (IDA, n.d.). Angka ini menonjolkan keluasan isu disleksia serta kesannya terhadap pencapaian akademik dan kesejahteraan psikososial murid (Kavenia & Vijayaletchumy, 2022).

Dalam konteks Malaysia, pelaksanaan dasar seperti Akta Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas 1997, dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) menunjukkan komitmen terhadap pendidikan inklusif bagi murid berkeperluan khas termasuk disleksia. Namun, pelaksanaannya masih berdepan pelbagai cabaran, terutamanya dari segi penyediaan intervensi literasi berkesan dan latihan guru arus perdana. Kajian mendapati ramai guru tidak mempunyai pengetahuan pedagogi khusus disleksia dan cenderung menggunakan bahan umum yang tidak disesuaikan dengan keperluan murid (Salleh & Mohamad, 2023). Pemansuhan program *Literacy and Numeracy Screening*

(*LINUS*) pula menimbulkan jurang saringan literasi asas (Hashim & Mahmud, 2020). Kekurangan sokongan berstruktur ini akhirnya meletakkan tanggungjawab besar kepada ibu bapa untuk membimbing anak membaca di rumah, walaupun kebanyakan mereka tidak memiliki pengetahuan pedagogi yang mencukupi.

Peranan ibu bapa dalam menyokong anak disleksia kini semakin diiktiraf sebagai faktor penting dalam keberhasilan literasi. Ibu bapa bukan sahaja berfungsi sebagai penyokong emosi, tetapi juga sebagai fasilitator utama dalam membantu anak membaca dan menulis di rumah (Al-Otaiba & Petscher, 2020; Radke et al., 2020). Namun begitu, ramai ibu bapa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan dalam membantu pendidikan anak di rumah. Antaranya termasuk kekurangan bahan bacaan yang mesra pengguna, berasa tidak yakin terhadap kaedah pengajaran, serta kekangan masa untuk melaksanakan aktiviti literasi yang berstruktur (Woodcock, 2020; Lim et al., 2022). Dalam konteks Malaysia, kebanyakan bahan sedia ada juga kurang sesuai dengan profil linguistik murid disleksia kerana tidak menekankan strategi multisensori serta menyediakan panduan jelas kepada ibu bapa.

Dari sudut linguistik, Bahasa Melayu dikategorikan sebagai bahasa berortografi telus (*transparent orthography*) kerana hubungan grafem-fonem yang hampir konsisten. Walaupun ciri ini memudahkan penyahkodan awal, murid disleksia tetap menunjukkan kelewatan dalam kelajuan dan kefasihan membaca (Davies et al., 2013; Eklund et al., 2015). Struktur unik seperti digraf (ng, ny, sy) dan diftong (ai, au, oi) menambah kerumitan pembelajaran membaca kerana memerlukan kesedaran fonologi yang tinggi dan latihan eksplisit berperingkat (Subramaniam & Kunasegran, 2022; Nasir & Subramaniam, 2024). Kajian pengesanan mata turut menunjukkan murid disleksia berbahasa Melayu memerlukan usaha kognitif lebih tinggi berbanding murid tipikal dalam memproses teks (Rahul & Ponniah, 2021). Maka, reka bentuk intervensi literasi perlu mengambil kira sifat linguistik ini dan bukan sekadar meniru pendekatan bahasa lain yang tidak bersesuaian.

Beberapa intervensi dan modul bacaan tempatan seperti *Bacalah Anakku* dan *Program LINUS* menyediakan asas fonik, namun fokusnya masih umum dan tidak menepati profil pembelajaran disleksia (Hazawawi & Hisham, 2014; Pye & Chan, 2023). Di peringkat antarabangsa, pendekatan *Multisensori Structured Literacy Education* (MSLE) menunjukkan keberkesanan tinggi melalui penggabungan unsur visual, auditori, kinestetik dan taktil (Ehri, 2022). Kajian di Malaysia turut mengesahkan keberkesanan pendekatan berstruktur dan multisensori ini dalam meningkatkan kemahiran dekod dan daya ingatan murid disleksia (Subramaniam et al., 2013; Lee & Lee, 2021). Tambahan pula, kemunculan teknologi pendidikan seperti aplikasi mudah alih, perisian teks-ke-pertuturan, serta penggunaan kod QR yang memaut kepada video pengajaran memberikan potensi besar untuk menyokong ibu bapa dalam bimbingan literasi di rumah (Al-Azawei et al., 2019; Lim, Yeo & Handayani, 2023).

Daripada analisis literatur dan konteks pelaksanaan tempatan, tiga jurang utama dikenal pasti. Pertama, jurang kapasiti ibu bapa, di mana ramai masih berasa tidak yakin dan bergantung pada kaedah rawak tanpa panduan sistematik. Kedua, jurang reka bentuk modul bacaan Bahasa Melayu mesra disleksia, khususnya kekurangan bahan bercetak yang mengintegrasikan fonik berstruktur, strategi multisensori dan panduan pengguna yang jelas. Ketiga, jurang kolaborasi antara rumah dan sekolah, yang menyebabkan strategi pengajaran tidak selaras serta mengurangkan keberkesanan intervensi literasi (Salleh & Mohamad, 2023; Lim et al., 2022). Tiga jurang ini menegaskan keperluan bagi satu analisis keperluan komprehensif sebelum modul literasi dapat dibangunkan secara berasaskan bukti. Berdasarkan jurang-jurang tersebut, satu kajian berasaskan reka bentuk pembangunan

diperlukan bagi meneliti keperluan sebenar pengguna dan seterusnya membentuk asas empirikal pembangunan modul literasi yang berkesan.

Sehubungan itu, artikel ini melaporkan Fasa Pertama daripada pendekatan *Design and Development Research* (DDR) yang menumpukan kepada analisis keperluan pengguna sebagai asas pembangunan Modul Literasi Mesra Disleksia (*BACAdys*). Kajian ini bertujuan untuk:

1. mengenal pasti cabaran yang dihadapi ibu bapa dalam menyediakan sokongan literasi di rumah bagi anak disleksia; dan
2. meneliti ciri modul bacaan mesra disleksia yang diutamakan oleh ibu bapa, termasuk keperluan bimbingan, strategi pengajaran dan integrasi digital.

Dapatan Fasa 1 ini diharapkan dapat memberikan asas empirikal yang kukuh bagi Fasa Kedua DDR, iaitu reka bentuk dan pembangunan modul literasi Bahasa Melayu yang berstruktur, mudah digunakan, dan responsif terhadap konteks linguistik tempatan.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk *Design and Development Research* (DDR) seperti yang diperkenalkan oleh Richey dan Klein (2007). Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk membangunkan produk pendidikan yang berasaskan keperluan sebenar pengguna melalui proses yang sistematik dan berfasa. DDR merangkumi tiga fasa utama, iaitu (i) Fasa 1 Analisis Keperluan, (ii) Fasa 2 Reka Bentuk dan Pembangunan, dan (iii) Fasa 3 Penilaian dan Penambahbaikan.

Rajah 1. Rangka Proses Kajian Berasaskan Model DDR (Richey & Klein, 2007)

Fasa Kajian	Tujuan Utama	Kaedah / Aktiviti	Output / Hasil Utama
Fasa 1: Analisis Keperluan	Mengenal pasti masalah dan keperluan pengguna	Temu bual, tinjauan, analisis dokumen	Dapatan keperluan, masalah dan cadangan reka bentuk awal
Fasa 2: Reka Bentuk & Pembangunan	Membangunkan dan menambah baik prototaip produk	Pembinaan prototaip, semakan pakar, analisis CVI/CVR	Versi prototaip akhir yang disemak dan diperhalus
Fasa 3: Penilaian / Kebolehgunaan	Menilai keberkesanan dan kebolehgunaan produk	Soal selidik, temubual pengguna, analisis deskriptif	Dapatan tahap kebolehgunaan dan cadangan penambahbaikan

Artikel ini hanya melaporkan Fasa Pertama, yang menumpukan kepada analisis keperluan pengguna, khususnya ibu bapa kepada murid disleksia. Fasa ini bertujuan mengenal pasti cabaran, keutamaan dan harapan ibu bapa terhadap pembangunan Modul Literasi Mesra Disleksia (*BACAdys*) yang akan dibangunkan dalam Fasa Kedua.

Peserta Kajian

Peserta kajian terdiri daripada enam orang ibu bapa kepada kanak-kanak yang telah disahkan mengalami disleksia oleh pakar kesihatan atau pusat intervensi. Pemilihan peserta dibuat secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan kriteria berikut:

1. Anak telah mendapat pengesahan rasmi sebagai murid disleksia.
2. Ibu bapa mempunyai pengalaman membimbing anak membaca di rumah.
3. Anak sedang mengikuti mana-mana bentuk intervensi literasi sama ada di sekolah mahupun pusat khas.

Kriteria ini ditetapkan bagi memastikan peserta benar-benar mewakili kumpulan sasaran, seterusnya membolehkan kajian memberikan gambaran yang tepat tentang realiti dan cabaran ibu bapa.

Kaedah Pengumpulan Data

Data bagi kajian ini dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur yang dijalankan bersama enam orang peserta. Kaedah temu bual dipilih kerana membolehkan penyelidik memperoleh maklumat secara mendalam tentang pengalaman sebenar ibu bapa dalam menyokong anak disleksia membaca di rumah. Kaedah ini juga sesuai digunakan dalam Fasa Analisis Keperluan DDR, yang bertujuan mengenal pasti keperluan pengguna sebelum pembangunan sesuatu intervensi atau modul dilaksanakan (Richey & Klein, 2007).

Panduan temu bual dibina berasaskan dua objektif kajian utama, iaitu untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi ibu bapa dalam proses bimbingan literasi anak disleksia, serta meneliti ciri-ciri modul bacaan mesra disleksia yang diutamakan oleh mereka. Soalan temu bual merangkumi aspek strategi pengajaran di rumah, kesukaran yang dialami oleh anak dari segi kognitif, tumpuan dan emosi, pengalaman menggunakan bahan bacaan sedia ada, serta harapan ibu bapa terhadap reka bentuk modul baharu.

Setiap sesi temu bual dijalankan secara bersemuka dengan tempoh antara 45 hingga 60 minit bergantung kepada kesediaan peserta. Semua sesi dirakam menggunakan peranti audio dengan kebenaran bertulis daripada peserta, dan rakaman tersebut kemudiannya ditranskripsikan secara verbatim bagi tujuan analisis. Sepanjang proses temu bual, penyelidik mengekalkan pendekatan yang reflektif dan empatik, memandangkan topik yang dibincangkan melibatkan pengalaman peribadi dan emosi peserta sebagai ibu bapa kepada anak berkeperluan khas.

Selain itu, penyelidik turut meninjau secara deskriptif beberapa modul bacaan Bahasa Melayu sedia ada sebagai rujukan awal dalam membina panduan temu bual dan memahami konteks literasi tempatan. Langkah ini dilaksanakan bagi memastikan soalan dan analisis kajian benar-benar mencerminkan situasi semasa ibu bapa serta realiti intervensi literasi yang digunakan di Malaysia.

Prosedur Analisis Data

Data temu bual ditranskripsikan secara verbatim dan dianalisis menggunakan analisis tematik (Braun & Clarke, 2006). Proses analisis melibatkan enam langkah utama: (i) pembacaan berulang data transkrip untuk memahami keseluruhan isi, (ii) pengekodan awal menggunakan perisian NVivo, (iii) pencarian tema berdasarkan kod, (iv) semakan semula tema, (v)

penamaan dan pendefinisian tema, dan (vi) penyediaan laporan dapatan. Kaedah ini dipilih kerana sesuai untuk mengenal pasti pola berulang dalam pengalaman peserta dan mengklasifikasikan maklumat kepada tema yang bermakna serta sejajar dengan persoalan kajian.

Pertimbangan Etika

Kajian ini dilaksanakan dengan mematuhi prinsip etika penyelidikan. Kebenaran bertulis diperoleh daripada semua peserta, dan mereka dimaklumkan tentang tujuan kajian, kerahsiaan maklumat, serta hak untuk menarik diri pada bila-bila masa. Identiti peserta dirahsiakan dengan menggunakan kod (contohnya P1, P2) bagi menggantikan nama sebenar. Data yang dikumpulkan disimpan dengan selamat dan hanya digunakan untuk tujuan akademik.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membentangkan hasil analisis temu bual yang dijalankan bersama enam orang ibu bapa kepada anak disleksia. Analisis tematik telah mengenal pasti tiga tema utama yang menjelaskan pengalaman, cabaran dan keperluan ibu bapa dalam menyokong literasi anak di rumah. Ketiga-tiga tema ini dibentuk berdasarkan objektif kajian yang berfokus kepada: (i) cabaran yang dihadapi ibu bapa dalam menyediakan sokongan literasi di rumah, dan (ii) keutamaan ibu bapa terhadap ciri modul bacaan mesra disleksia yang sesuai dengan konteks linguistik Bahasa Melayu.

Perbincangan dalam bahagian ini disusun mengikut tema yang telah dikenal pasti, disokong oleh petikan verbatim daripada peserta serta perbandingan dengan literatur terdahulu. Setiap tema dibincangkan secara analitik bagi menjelaskan hubungan antara cabaran ibu bapa, keperluan sokongan, serta implikasinya terhadap pembangunan Modul Literasi Mesra Disleksia (*BACAdys*) pada Fasa Kedua DDR.

Tema 1: Isu dan Keperluan Pengajaran Literasi di Rumah

Kajian ini mendapati bahawa ibu bapa menghadapi pelbagai cabaran dalam membimbing anak disleksia membaca di rumah. Berdasarkan hasil temu bual, pola yang paling menonjol ialah penggunaan kaedah pengajaran tradisional yang tidak disokong oleh pendekatan pedagogi khusus. Kebanyakan ibu bapa masih mengajar berdasarkan pengalaman sendiri, mengadaptasi cara yang digunakan terhadap anak tipikal tanpa bimbingan sistematik yang sesuai untuk profil disleksia.

“Macam kita ajar tu, cara biasa je... sebab saya tak tahu sama ada betul ke tak cara tu... risau salah cara ajar...” (P2)

“Kita tak tahu cara macam mana yang sesuai untuk budak-budak macam ni, ajar macam biasa... memang nampak dia susah nak membaca...” (P3)

Petikan ini memperlihatkan tahap ketidakyakinan ibu bapa terhadap keberkesanan kaedah yang digunakan di rumah. Tanpa pengetahuan pedagogi yang kukuh, proses pengajaran menjadi berasaskan *trial and error*, yang sering menimbulkan rasa kecewa apabila anak tidak

menunjukkan kemajuan. Fenomena ini selari dengan dapatan Radke et al. (2020) dan Al-Otaiba & Petscher (2020) yang mendapati ibu bapa kepada anak disleksia berhadapan tekanan dan kekeliruan apabila tidak menerima latihan atau rujukan pengajaran yang sistematik. Dalam konteks Malaysia, situasi ini lebih kompleks kerana inisiatif yang menyokong penglibatan ibu bapa secara langsung dalam intervensi literasi masih belum dilaksanakan secara meluas (Salleh & Mohamad, 2023).

Kekangan ini menunjukkan bahawa peranan ibu bapa sebagai fasilitator literasi di rumah belum dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Tanpa modul berstruktur atau panduan jelas, usaha bimbingan sering terhenti pada tahap asas dan tidak berupaya menyesuaikan diri dengan gaya pembelajaran unik anak disleksia. Oleh itu, dapatan ini menegaskan keperluan kepada pembangunan bahan rujukan yang mengandungi garis panduan pedagogi berasaskan fonik berstruktur agar ibu bapa dapat menjalankan pengajaran dengan keyakinan dan hala tuju yang jelas.

Selain cabaran pedagogi, satu lagi isu yang ketara ialah keterbatasan bahan bacaan yang sesuai dengan profil kognitif dan linguistik anak disleksia. Kebanyakan ibu bapa melaporkan bahawa bahan bacaan sedia ada bersifat umum dan tidak mengambil kira ciri persepsi visual serta keperluan fonologi anak. Buku-buku komersial yang digunakan di rumah lazimnya terlalu padat dengan teks, kurang visual, dan tidak menggunakan reka bentuk mesra disleksia.

"I ada guna buku XX... sebenarnya not really helpful for her... gambar kurang... it's really hard to find something yang betul-betul sesuai... I rasa macam tak ada kot untuk special needs student ni." (P6)

'Setakat ni saya macam tak jumpa lagi buku yang sesuai... Mungkin ada, cuma kami tak jumpa ke.' (P2)

Kenyataan ini mencerminkan kekecewaan ibu bapa terhadap bahan bacaan yang gagal menarik minat anak dan tidak membantu dalam penguasaan bacaan asas. Isu ini turut dilaporkan dalam kajian Salleh & Mohamad (2023) yang menegaskan bahawa kebanyakan bahan bacaan Bahasa Melayu di sekolah masih berasaskan silibus umum tanpa adaptasi terhadap keperluan disleksia. Walaupun sistem ejaan Bahasa Melayu bersifat telus, cabaran tetap wujud kerana struktur suku kata terbuka (KV, KVKV) dan kehadiran gabungan fonem seperti digraf (ng, ny) serta diftong (ai, au, oi) memerlukan bimbingan berperingkat dan eksplisit (Subramaniam & Kunasegran, 2022; Nasir & Subramaniam, 2024).

Dalam konteks ini, kekurangan bahan yang direka berasaskan prinsip fonik dan multisensori telah menyebabkan anak disleksia sukar mengaitkan bunyi dengan huruf secara automatik. Kajian rentas bahasa oleh Davies et al. (2013) dan Eklund et al. (2015) turut menunjukkan bahawa walaupun dalam bahasa berortografi telus seperti Itali dan Finland, murid disleksia masih menghadapi kelewatan dari segi kefasihan bacaan, bukan ketepatan. Ini menunjukkan bahawa dalam konteks Bahasa Melayu, bahan yang tidak disesuaikan secara fonologi hanya menambah beban kognitif anak.

Dapatan ini menegaskan bahawa reka bentuk bahan bacaan baharu perlu memberi perhatian kepada ciri mesra disleksia seperti penggunaan fon khas, saiz huruf besar sederhana, jarak huruf yang luas, dan warna kontras tinggi untuk mengurangkan kekeliruan visual. Di samping itu, bahan bercetak perlu dilengkapi aktiviti pengukuhan berbentuk visual dan kinestetik yang membantu anak mengaitkan huruf dengan bunyi secara konkrit. Reka

bentuk sebegini bukan sahaja berpotensi meningkatkan motivasi anak, tetapi turut membantu ibu bapa menjalankan intervensi literasi dengan lebih yakin dan sistematik.

Dalam masa yang sama, dapatan turut menunjukkan bahawa ketiadaan panduan praktikal merupakan antara kekangan terbesar yang dihadapi oleh ibu bapa. Walaupun sesetengah keluarga memiliki bahan bacaan tertentu, kebanyakan bahan tersebut tidak disertakan dengan arahan penggunaan yang jelas atau contoh langkah pengajaran. Akibatnya, ibu bapa terpaksa mencari panduan tambahan secara rawak melalui media sosial atau video tidak rasmi di internet.

“Saya guna buku XX... takda panduan... sebab kita ajar dia memang tak kena dengan dia...” (P2)

“Kami hanya refer dekat sosial media... buku pun ada tapi takda teknik cara nak guna ...” (P1)

“Macam-macam buku kita beli... Memang buku saja... takda panduan, kita yang ajar sendiri... itu yang kadang-kadang ajar dia tak faham...” (P4)

Kenyataan ini menunjukkan keperluan tinggi dalam penyediaan bahan sokongan kepada ibu bapa yang memainkan peranan sebagai fasilitator utama literasi di rumah. Kekurangan panduan langkah demi langkah bukan sahaja menyebabkan ketidakkonsistenan dalam kaedah pengajaran, tetapi juga menjejaskan keyakinan ibu bapa terhadap keupayaan mereka sendiri. Hal ini selaras dengan dapatan Woodcock (2020) dan Radke et al. (2020) yang menegaskan bahawa ibu bapa memerlukan sokongan pedagogi berstruktur untuk mengelakkan penggunaan strategi rawak yang tidak menentu.

Kajian Lim, Yeo dan Handayani (2023) turut menyokong keperluan integrasi teknologi dalam intervensi literasi keluarga. Penggunaan kod QR dan video demonstrasi dilaporkan meningkatkan kefahaman ibu bapa terhadap urutan aktiviti fonik serta menstandardkan cara mereka mengajar di rumah. Dalam konteks Malaysia, dapatan ini menunjukkan potensi besar untuk membangunkan bahan literasi bercetak yang dilengkapi sokongan digital agar proses pengajaran lebih konsisten, menyeronokkan dan tidak bergantung sepenuhnya kepada intuisi. Dengan adanya komponen bimbingan visual atau digital, modul yang dibangunkan kelak dapat menutup jurang pengetahuan dan memperkukuh kompetensi ibu bapa sebagai pengajar utama di rumah.

Selain kekangan luaran seperti bahan dan panduan, dapatan turut menekankan cabaran dalaman yang berpunca daripada ciri anak disleksia sendiri. Ibu bapa melaporkan bahawa kelemahan memori jangka pendek, tumpuan singkat, dan perubahan emosi yang kerap menjadi faktor utama yang mengganggu keberkesanan sesi bacaan di rumah.

“One day dia macam boleh membaca... but bila dia woke up next day, dia hilang... totally hilang... I pun lost nak bantu macam mana.” (P6)

“Dia memang terlalu agresif, cepat marah, cepat mengamuk. Lepas tu bila kita suruh tu pun tak nak, buang buku, tak nak belajar...” (P5)

“...bila kita ulang-ulang tu, sekejap dia dapat, tapi lepas tu lupa balik. Jadi kita tak tahu kadang-kadang dia faham ke tak sebenarnya...” (P4)

Kelemahan dalam mengekalkan maklumat dan perubahan emosi ini menyebabkan proses pembelajaran menjadi tidak stabil. Dapatan ini konsisten dengan kajian Gonzalez et al. (2021) yang menjelaskan bahawa defisit memori kerja merupakan antara faktor kognitif

utama yang menjejaskan kelancaran bacaan dalam kalangan murid disleksia. Dalam konteks tempatan, Nasir dan Subramaniam (2024) turut menegaskan bahawa kelemahan kesedaran fonologi dan perhatian terbahagi mengakibatkan murid mudah hilang fokus serta cepat lupa, walaupun mereka telah menguasai beberapa huruf atau suku kata sebelumnya.

Keadaan ini bukan sahaja memberi kesan terhadap pencapaian anak, tetapi juga terhadap kesejahteraan emosi ibu bapa yang berasa tertekan apabila kemajuan anak tidak konsisten. Kajian Chew dan Saidatul Aliah (2023) menunjukkan bahawa sokongan emosi daripada ibu bapa memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi dan ketekunan anak semasa membaca. Justeru, intervensi literasi yang dirancang perlu mengambil kira bukan sahaja aspek linguistik dan fonologi, tetapi juga strategi pengurusan emosi dan peneguhan positif bagi membantu anak kekal fokus serta mengurangkan tekanan dalam sesi pembelajaran.

Jadual 1. Tema 1 – Isu dan Keperluan Pengajaran Literasi di Rumah

Subtema	Fokus Utama	Contoh Petikan Verbatim
Kaedah pengajaran tradisional tanpa sokongan pedagogi	Ibu bapa ajar dengan cara biasa, tanpa yakin keberkesanan	<i>“Macam kita ajar tu, cara biasa je... sebab saya tak tahu sama ada betul ke tak cara tu... risau salah cara ajar.” (P2)</i>
Bahan bacaan tidak sesuai	Buku umum, tidak mesra disleksia, kekurangan visual	<i>“I ada guna buku XX... sebenarnya not really helpful for her... gambar kurang... it’s really hard to find something yang betul-betul sesuai...” (P6)</i>
Ketiadaan panduan praktikal	Tiada arahan jelas; ibu bapa harap ada video atau manual	<i>“Saya guna buku XX... takda panduan... risau salah cara ajar... Kalau ada video panduan lagi bagus.” (P2)</i>
Faktor dalaman anak (ingatan, fokus, emosi)	Masalah ingatan jangka pendek, fokus singkat, reaksi negatif	<i>“...one day dia macam boleh membaca... but bila dia woke up next day, dia hilang... totally hilang... I pun lost nak bantu macam mana.” (P6)</i>

Secara keseluruhannya, dapatan bagi tema ini menunjukkan bahawa cabaran ibu bapa dalam menyokong literasi anak disleksia adalah bersifat pelbagai dimensi yang merangkumi aspek pedagogi, bahan, panduan, serta faktor psikologi anak. Kesemua unsur ini saling berhubung dan memberi gambaran jelas tentang keperluan satu modul literasi Bahasa Melayu yang menyeluruh, berstruktur dan mesra pengguna. Modul sebegini bukan sahaja perlu membantu kanak-kanak disleksia menguasai bacaan secara fonik dan multisensori, tetapi juga perlu berperanan sebagai alat bimbingan praktikal untuk ibu bapa yang memerlukan panduan konkrit, fleksibel, dan disesuaikan dengan konteks pembelajaran di rumah.

Tema 2: Reka Bentuk Modul Bacaan Mesra Disleksia

Berdasarkan objektif kedua kajian, dapatan menegaskan bahawa ibu bapa amat mengharapkan pembangunan modul bacaan yang benar-benar disesuaikan dengan keperluan murid disleksia, bukan sekadar bahan umum yang diubah suai. Mereka menekankan keperluan modul yang menggabungkan ciri visual mesra kognitif, aktiviti multisensori, struktur pembelajaran berperingkat, serta panduan digital untuk bimbingan di rumah. Keutamaan ini menggambarkan kesedaran ibu bapa terhadap keperluan pedagogi yang lebih terancang dan mesra pengguna.

Antara aspek yang paling ditekankan ialah reka bentuk visual dan tipografi modul. Hampir semua peserta menegaskan bahawa saiz tulisan, jarak huruf dan penggunaan warna memberi kesan langsung terhadap keupayaan anak mengekalkan fokus ketika membaca.

“Kalau tulisan kecil sangat, susah nak fokus... tapi kalau besar dengan spacing betul, baru dia boleh ikut.” (P3)

“Tulisan perlu besar... kalau terlalu banyak wording tu... dia rasa malas nak baca.” (P6)

Petikan ini menunjukkan bahawa persembahan visual bukan sekadar elemen estetik, tetapi berfungsi sebagai strategi kognitif untuk mengurangkan beban pemprosesan visual. Dalam konteks disleksia, elemen seperti jarak huruf, ketebalan garisan, dan warna latar memainkan peranan penting untuk mengelakkan kesan *visual crowding* yang sering dialami oleh murid (Snowling & Hulme, 2020). Kajian antarabangsa oleh Rello dan Baeza-Yates (2017) turut mendapati bahawa penggunaan fon khas seperti *OpenDyslexic*, saiz huruf besar sederhana, dan ruang antara baris yang lebar dapat meningkatkan kadar bacaan dan ketepatan. Oleh itu, reka bentuk modul bacaan mesra disleksia perlu menitikberatkan prinsip *universal design for learning (UDL)* yang mengutamakan akses visual untuk semua tahap pembaca.

Selain itu, penggunaan ilustrasi berwarna turut dianggap elemen penting dalam mengekalkan minat anak.

“Gambar dan grafik tu perlu colourful, jadi attraction untuk budak-budak ni.” (P2)

“Bila kita guna gambar, dia boleh relate dengan benda sebenar. Macam nampak gambar feri, baru dia boleh ingat huruf tu macam feri.” (P1)

Bagi ibu bapa, ilustrasi bukan sekadar hiasan, tetapi medium bantu visual untuk membantu anak memahami perkataan secara konkrit. Pendekatan ini selari dengan dapatan Al-Azawei et al. (2019) yang menegaskan bahawa integrasi imej dan simbol membantu murid disleksia menghubungkan bentuk huruf kepada objek sebenar, seterusnya memperkukuh ingatan fonologi. Dalam konteks pembangunan modul Bahasa Melayu, penekanan terhadap elemen visual amat relevan kerana banyak perkataan dalam sistem suku kata KV dan KVK dapat diwakili secara jelas melalui imej konkrit yang familiar bagi kanak-kanak tempatan.

Dapatan juga menunjukkan bahawa ibu bapa menilai keberkesanan bahan berdasarkan tahap interaktiviti. Ramai menyarankan agar aktiviti dalam modul tidak hanya melibatkan menulis atau membaca, tetapi turut menggabungkan pergerakan dan pendengaran.

“Kalau ada audio bunyi sekali dengan huruf, lagi cepat mereka tangkap.” (P5)

“Macam aktiviti gunting tampal tu perlu untuk kita nak tengok juga pemahaman dia. Bukan sekadar tulis saja...” (P1)

Kenyataan ini menggambarkan kefahaman ibu bapa terhadap nilai pembelajaran multisensori dalam membina kemahiran literasi. Penggabungan saluran visual, auditori dan kinestetik bukan sahaja meningkatkan daya tumpu, tetapi juga membantu anak mengekalkan maklumat dalam memori jangka panjang (Ehri, 2022). Pendekatan ini selaras dengan prinsip *Structured Literacy* dan *Orton-Gillingham*, yang terbukti berkesan untuk murid disleksia kerana

menekankan latihan fonik eksplisit dan pengulangan aktif melalui pelbagai deria (Subramaniam et al., 2013; Radke et al., 2020).

Dalam konteks reka bentuk modul, dapatan ini memberikan asas kukuh untuk menggabungkan aktiviti seperti *tracing*, *cut-and-paste*, dan *sound association*, yang bukan sahaja menyeronokkan tetapi juga berfungsi sebagai strategi pengukuhan fonologi. Menurut Chew dan Saidatul Aliah (2023), pembelajaran berasaskan aktiviti berstruktur dan menyeronokkan dapat memperbaiki perhatian serta mengurangkan tekanan emosi dalam kalangan murid disleksia. Oleh itu, modul yang dibangunkan perlu memastikan keseimbangan antara aktiviti visual, kinestetik dan auditori bagi mewujudkan pengalaman pembelajaran yang menyeluruh.

Selain aspek visual dan interaktiviti, ibu bapa turut menekankan kepentingan struktur modul yang progresif dan berpaksikan tahap sebenar perkembangan literasi anak, bukan umur kronologi. Ramai dalam kalangan mereka menyatakan bahawa anak disleksia sering gagal menyesuaikan diri apabila modul atau buku yang digunakan disusun berdasarkan tahap darjah dan bukannya keupayaan membaca sebenar.

“Saya beli buku darjah tiga, tapi dia tak dapat ikut... kalau ikut tahap dia, baru boleh buat.” (P2)

“Kalau latihan tu perlu mengikut tahap bacaan murid semasa... di situ parents boleh tahu... oh anak baru tahap ini” (P4)

Petikan ini memperlihatkan keperluan dalam merangka modul dengan menyesuaikan kandungan dengan kemajuan bacaan murid secara berperingkat. Pendekatan ini sejajar dengan *Prinsip Mastery Learning* (Torgesen, 2002), yang menekankan penguasaan kemahiran asas sebelum beralih ke kemahiran seterusnya. Dalam konteks disleksia, pembelajaran berstruktur dan bertahap membantu murid membina automasi bacaan melalui pengulangan terkawal dan pendedahan berulang terhadap pola fonik (Ehri, 2022).

Dapatan ini turut konsisten dengan hasil kajian Nasir dan Subramaniam (2024) yang menunjukkan bahawa murid disleksia berbahasa Melayu memerlukan latihan berperingkat berdasarkan struktur suku kata. Pendekatan sebegini bukan sahaja membantu murid membina keyakinan secara bertahap, tetapi juga memudahkan ibu bapa mengikuti urutan pembelajaran dengan lebih sistematik. Justeru, modul BACAdys perlu direka agar setiap jilid mencerminkan peningkatan logik kemahiran bacaan, di samping menyediakan elemen pengukuhan selepas setiap tahap untuk memastikan penguasaan yang mantap sebelum beralih ke topik baharu.

Selain struktur berperingkat, ibu bapa juga menegaskan keperluan sokongan digital untuk melengkapkan penggunaan modul bercetak. Ramai yang menyatakan bahawa tanpa panduan tambahan, mereka sering berasa ragu-ragu terhadap cara melaksanakan latihan atau aktiviti dengan betul.

“Kalau bagi modul semata-mata, kita pun tak tahu cara nak praktikkan... kalau ada video cara ajar lagi bagus.” (P2)

“Kalau modul tu ada QR code, keluar video cara ajar, bagus juga. At least parents ada panduan yang lebih jelas (P1)

Kenyataan ini menonjolkan cabaran utama dalam konteks literasi rumah: ibu bapa bukan sahaja memerlukan bahan, tetapi juga bimbingan yang menunjukkan cara sebenar penggunaannya. Kajian oleh Al-Azawei et al. (2019) dan Lim, Yeo dan Handayani (2023) turut membuktikan bahawa integrasi elemen digital seperti video ringkas, kod QR dan demonstrasi visual dapat meningkatkan pemahaman serta menstandardkan kaedah pengajaran ibu bapa. Sokongan digital juga memberi peluang kepada ibu bapa untuk meninjau semula kaedah tertentu mengikut masa mereka sendiri tanpa terikat kepada sesi formal bersama guru.

Dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan potensi besar pendekatan hibrid (*blended literacy intervention*) dalam pembangunan modul bacaan. Penggabungan antara bahan bercetak dan sokongan digital bukan sahaja memperkukuh kefahaman ibu bapa, tetapi juga menjadikan pengalaman pembelajaran lebih menarik dan mesra pengguna. Dalam konteks BACAdys, strategi ini boleh diterjemahkan melalui integrasi kod QR yang dipaut kepada video pendek demonstrasi bunyi fonik, contoh aktiviti interaktif, atau tip pemantauan bacaan. Pendekatan ini bukan sahaja membantu ibu bapa mengaplikasikan modul dengan lebih yakin, tetapi juga memastikan konsistensi antara amalan pengajaran di rumah dan di sekolah.

Jadual 2. Tema 2 : Reka Bentuk Modul Bacaan Mesra Disleksia

Subtema	Fokus Utama	Contoh Petikan Verbatim
Reka bentuk visual dan tipografi mesra kognitif	Tulisan besar, spacing jelas; ilustrasi berwarna menarik minat	<i>“Kalau tulisan kecil sangat, susah nak fokus... tapi kalau besar dengan spacing betul, baru dia boleh ikut.” (P3)</i> <i>“Gambar dan grafik tu perlu colourful, jadi attraction untuk budak-budak ni.” (P2)</i>
Sokongan multisensori dan aktiviti interaktif	Audio fonem, aktiviti gunting-tampal, melukis, mewarna	<i>“Kalau ada audio bunyi sekali dengan huruf, lagi cepat dia orang tangkap.” (P5)</i>
Struktur modul progresif	Perlu ikut tahap literasi sebenar, bukan umur kronologi; gabungan bacaan dan menulis	<i>“Saya beli buku darjah satu, tapi dia tak dapat ikut... kalau ikut tahap dia, baru boleh buat.” (P2)</i>
Sokongan digital untuk ibu bapa	Panduan melalui video, kod QR mudah diakses	<i>“Kalau bagi modul semata-mata, kita pun tak tahu cara nak praktikkan... kalau ada video cara ajar lagi bagus.” (P2)</i>

Secara keseluruhannya, dapatan Tema 2 memperkukuh keperluan terhadap modul bacaan Bahasa Melayu yang holistik dan berasaskan reka bentuk mesra disleksia. Modul sebegini perlu menyeimbangkan empat komponen utama: visual mesra kognitif, aktiviti multisensori, struktur pembelajaran berperingkat, dan sokongan digital interaktif. Kesemua komponen ini bukan sahaja menyokong keberkesanan literasi anak disleksia, tetapi juga memperkasa ibu bapa sebagai fasilitator utama dalam proses pembelajaran di rumah. Dapatan ini sekaligus menyediakan asas praktikal kepada pembangunan modul BACAdys dalam Fasa Kedua DDR, yang akan menekankan aspek reka bentuk, pembangunan prototaip, dan penilaian kebolegunaan bersama pengguna sasaran.

Tema 3: Sokongan dan Kolaborasi Ibu Bapa–Guru

Selain isu literasi di rumah dan keperluan reka bentuk modul, dapatan kajian turut menonjolkan kepentingan kolaborasi antara ibu bapa dan guru dalam menyokong

perkembangan literasi murid disleksia. Walaupun ibu bapa berperanan sebagai fasilitator utama pembelajaran di rumah, keberkesanan intervensi literasi banyak bergantung pada sejauh mana wujudnya keselarasan strategi antara rumah dan sekolah.

Hasil temu bual menunjukkan bahawa ketidakkonsistenan kaedah pengajaran antara dua persekitaran ini sering menimbulkan kekeliruan kepada anak.

“...macam contoh dekat sekolah ajar lain... lepas tu dia balik rumah kita ajar macam ni lain pula... jadi benda tu tak tally... jadi lagi lambat nak membaca.” (P3)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa perbezaan pendekatan mengganggu kesinambungan pembelajaran dan melemahkan kemajuan bacaan anak. Dalam konteks teori pembelajaran sosial Vygotsky, pembelajaran yang berkesan berlaku apabila persekitaran sosial dan scaffolding yang disediakan oleh orang dewasa adalah selaras. Apabila pendekatan guru dan ibu bapa berbeza, anak kehilangan struktur sokongan yang stabil. Dapatan ini selari dengan kajian Woodcock (2020) dan Radke et al. (2020) yang menegaskan bahawa komunikasi dua hala dan keseragaman strategi antara rumah dan sekolah amat penting dalam intervensi literasi untuk murid disleksia.

Selain isu kaedah yang tidak seiring, ibu bapa turut menyuarakan kebimbangan terhadap tahap kepakaran guru dalam memahami profil kognitif murid disleksia. Beberapa peserta melaporkan bahawa masih wujud salah tanggapan bahawa disleksia adalah bentuk kecacatan intelektual atau gangguan tingkah laku lain.

“...bila sebut disleksia je, masing-masing cikgu masih tak ada pengalaman dulu nak handle macam mana budak ni.” (P1)

“Kebanyakan centre yang ada ni, untuk yang disleksia macam kurang sangat... selalu tanggapan mereka ni mesti akan, oh, ni Autism, ni ADHD...” (P4)

Petikan ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran dan latihan guru dalam mengenal pasti serta menguruskan murid disleksia masih tidak menyeluruh. Salah diagnosis dan kekurangan latihan pedagogi khusus menyebabkan strategi pengajaran yang digunakan tidak konsisten dan kadangkala tidak sesuai. Dapatan ini seiring dengan hasil kajian Chew dan Saidatul Aliah (2023) yang mendapati bahawa guru arus perdana sering berdepan kekangan masa, latihan, dan sumber dalam melaksanakan pengajaran berasaskan fonik secara sistematik. Kelemahan ini secara langsung memberi kesan kepada intervensi literasi di rumah kerana ibu bapa tidak dapat meniru atau menyesuaikan kaedah pengajaran yang digunakan di sekolah.

Dalam masa yang sama, beberapa ibu bapa menyatakan harapan agar wujud ruang latihan atau bengkel yang membolehkan mereka mempelajari teknik pengajaran literasi secara langsung daripada guru atau pakar.

“...kalau ada bengkel itu sangat bagus teacher... so kebanyakan parents, they are like lost, really lost... they need step one by one to teach.” (P6)

Kenyataan ini mencerminkan keperluan kepada pendekatan sokongan dua hala yang lebih sistematik. Bengkel kolaboratif antara guru dan ibu bapa bukan sahaja membantu menyeragamkan strategi pengajaran, tetapi juga meningkatkan tahap kefahaman dan keyakinan ibu bapa dalam melaksanakan aktiviti literasi di rumah. Penglibatan ibu bapa

dalam program latihan berkala ini akan dapat memperkukuh keupayaan mereka sebagai rakan kongsi Pendidikan (Chew dan Saidatul Aliah 2023). Selain itu, Zamri dan Ugartini (2022) turut menegaskan bahawa intervensi literasi yang berkesan memerlukan kesinambungan antara latihan formal di sekolah dan aktiviti pengukuhan di rumah yang menggunakan prinsip pedagogi sama.

Dapatan ini juga memberikan implikasi langsung kepada pembangunan modul BACAdys dalam Fasa Kedua DDR. Modul yang dibangunkan bukan sahaja perlu berfungsi sebagai bahan bacaan dan latihan anak, tetapi juga sebagai alat latihan ringkas bagi ibu bapa dan guru. Komponen seperti *QR video panduan* atau *manual latihan singkat* boleh dimanfaatkan dalam bengkel kolaboratif supaya kedua-dua pihak memahami objektif aktiviti, pendekatan fonik yang digunakan, serta cara memberikan maklum balas kepada anak. Pendekatan berasaskan perkongsian ini sejajar dengan prinsip reka bentuk berpusatkan pengguna (*user-centered design*), di mana maklum balas daripada pengguna sebenar dalam hal ini iaitu ibu bapa menjadi asas kepada penambahbaikan modul yang lebih praktikal dan realistik.

Jadual 3. Tema 3 : Sokongan dan Kolaborasi Ibu Bapa-Guru

Subtema	Fokus Utama	Contoh Petikan Verbatim
Inkoherensi kaedah pengajaran di rumah dan sekolah	Strategi berbeza di sekolah dan rumah menimbulkan kekeliruan murid	"...macam contoh dekat sekolah ajar lain... lepas tu dia balik rumah kita ajar macam ni lain pula... jadi benda tu tak tally... dia orang jadi lagi lambat nak membaca." (P3)
Kekangan kepakaran guru dan salah tanggapan	Guru kurang pengalaman, ada yang menyamakan disleksia dengan autisme/ADHD	"...bila sebut disleksia je masing-masing cikgu masih tak ada pengalaman dulu nak macam mana nak handle budak ni." (P1) "Kebanyakan centre yang ada ni, untuk yang disleksia macam kurang sangat...selalu tanggapan mereka ni mesti akan, oh, ni Autism, ni ADHD..." (P4)
Keperluan bengkel atau sesi kolaboratif	Bengkel meningkatkan keyakinan ibu bapa dan menyelaraskan kaedah dengan guru	"...kalau ada bengkel itu sangat bagus teacher... so kebanyakan parents they are like lost. Really lost... they need step one by one to teach." (P6)

Secara keseluruhannya, dapatan Tema 3 menegaskan bahawa jurang komunikasi dan kekurangan penyelarasan antara rumah dan sekolah merupakan salah satu punca utama kelemahan intervensi literasi bagi murid disleksia. Oleh itu, pembangunan modul BACAdys perlu disertai dengan strategi latihan dan sokongan sistematik kepada guru serta ibu bapa agar amalan literasi lebih selaras dan berkesan. Dapatan ini mengukuhkan kesimpulan Fasa Pertama DDR bahawa pembinaan modul literasi Bahasa Melayu yang mesra disleksia haruslah dirangka bukan hanya sebagai bahan pengajaran, tetapi sebagai sistem sokongan kolaboratif yang mempertemu peranan rumah dan sekolah dalam mendidik anak disleksia.

LIMITASI KAJIAN

Kajian ini merupakan Fasa Pertama dalam reka bentuk pembangunan (*Design and Development Research, DDR*) yang menumpukan kepada analisis keperluan ibu bapa sebagai

asas kepada pembangunan Modul Literasi Mesra Disleksia (*BACAdys*). Dapatan kajian ini diperoleh daripada enam orang ibu bapa melalui temu bual mendalam yang memberikan gambaran terperinci tentang realiti dan cabaran sokongan literasi di rumah. Walaupun kaedah kualitatif ini sesuai dengan objektif Fasa 1 DDR, saiz sampel yang kecil menghadkan kebolehumuman dapatan kepada populasi ibu bapa murid disleksia yang lebih luas. Selain itu, fokus terhadap perspektif ibu bapa semata-mata tanpa melibatkan guru atau murid disleksia menghadkan triangulasi data dan kefahaman menyeluruh tentang interaksi rumah dan sekolah dalam pembangunan literasi.

Kekangan ini akan ditangani dalam fasa seterusnya melalui peluasan sampel dan penglibatan pelbagai pihak seperti guru arus perdana, guru pendidikan khas, pakar terapi cara kerja, dan pakar literasi dalam proses *Content Validation Index (CVI)* dan *Content Validity Ratio (CVR)*. Selain itu, Fasa 3 DDR akan memberi tumpuan kepada uji kebolehgunaan (*usability testing*) modul *BACAdys* dalam pelbagai konteks pendidikan bagi menilai kefungsiannya, kemudahan penggunaan, dan tahap penerimaan modul oleh pengguna sebenar. Walaupun mempunyai batasan tertentu, kajian ini tetap menyediakan asas empirikal yang kukuh bagi pembangunan modul literasi Bahasa Melayu mesra disleksia yang berstruktur, berpaksikan pengguna, dan berasaskan bukti.

KESIMPULAN

Kajian ini memberikan gambaran menyeluruh tentang realiti, cabaran dan keperluan ibu bapa dalam membimbing anak disleksia membaca di rumah. Melalui analisis tematik terhadap data temu bual mendalam, tiga tema utama dikenal pasti: cabaran pelaksanaan bimbingan literasi di rumah, keperluan reka bentuk modul bacaan mesra disleksia, serta kepentingan kolaborasi antara ibu bapa dan guru. Dapatan ini menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting sebagai fasilitator literasi, namun sering berdepan kekangan dari segi pengetahuan pedagogi, bahan bacaan yang sesuai, serta panduan pengajaran yang sistematik.

Secara keseluruhannya, hasil Fasa 1 ini memperkukuh keperluan pembangunan satu modul bacaan Bahasa Melayu yang berstruktur, mesra pengguna dan berpaksikan pendekatan multisensori untuk murid disleksia. Dapatan ini juga menjadi asas empirikal kepada Fasa 2 dan Fasa 3 DDR, yang akan menumpukan kepada proses reka bentuk, pengesahan kandungan dan uji kebolehgunaan (*usability testing*) modul *BACAdys* bersama pengguna sebenar. Melalui kesinambungan fasa-fasa ini, pembangunan modul yang dihasilkan di harap dapat menjadi rujukan praktikal kepada guru dan ibu bapa dalam melaksanakan intervensi literasi yang lebih sistematik, inklusif dan berkesan dalam konteks pendidikan disleksia di Malaysia.

RUJUKAN

- Al-Azawei, A., Parslow, P., and Lundqvist, K. 2019. Barriers and opportunities of e-learning implementation in Iraq: A case of public universities. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*, 20(2): 210-29.
- Al-Otaiba, S., and Petscher, Y. 2020. Parent involvement in early literacy: A multidimensional perspective. *Journal of Learning Disabilities*, 53(4): 299-311.
- Birsh, J. R., and Carreker, S. 2020. *Multisensory Teaching of Basic Language Skills* (5th ed.). Baltimore, MD: Paul H. Brookes.

- Braun, V., and Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2): 77-101.
- Braun, V., and Clarke, V. 2019. Reflecting on reflexive thematic analysis. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 11(4): 589-97.
- Chew, F. P., and Saidatul Aliah, A. 2023. Emotional support and engagement among parents of children with dyslexia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(1): 45-60.
- Ehri, L. C. 2022. The science of reading and dyslexia: Insights for instruction. *Reading Research Quarterly*, 57(1): 7-29.
- Hashim, R., and Mahmud, Z. 2020. Policy shifts in literacy education in Malaysia: From LINUS to PLaN. *Malaysian Journal of Education*, 45(1): 15-28.
- Hazawawi, H., and Hisham, H. 2014. The effectiveness of local reading modules for children with dyslexia in Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 21-34.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2019. *Laporan Tahunan Pendidikan Khas 2019*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Khas.
- Lee, C. H., and Lee, Y. L. 2021. Structured literacy intervention for Malaysian children with dyslexia: A pilot study. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 29(4): 2123-41.
- Lim, C. S., Yeo, L. S., and Handayani, L. 2023. Technology-enhanced interventions for dyslexia: A systematic review. *Asia Pacific Education Review*, 24(2): 233-49.
- Lindsay, G., and Dockrell, J. 2020. Parent-teacher partnerships in supporting children with literacy difficulties. *British Journal of Special Education*, 47(2), 182-98.
- Nasir, M. A., and Subramaniam, G. 2024. Reading difficulties in Malay among dyslexic learners: A phonological perspective. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 21(1): 55-3.
- Peters, M. A., and Tesar, M. 2022. Parents, technology, and literacy learning at home. *Educational Philosophy and Theory*, 54(12): 2025-38.
- Plomp, T., and Nieveen, N. 2013. *Educational Design Research – Part A: An Introduction*. Enschede, the Netherlands: SLO.
- Pye, S., and Chan, E. 2023. Literacy interventions in Southeast Asia: Trends and challenges. *Journal of Comparative Education*, 59(3): 301-18.
- Radke, J., Hart, S. A., and Plomin, R. (2020). The role of parents in supporting children with dyslexia: A longitudinal analysis. *Scientific Studies of Reading*, 24(5): 421-37.
- Rahul, G., and Ponniah, R. (2021). Eye-tracking study of Malay dyslexic readers: Visual processing demands. *Reading and Writing*, 34(8): 1963-982.
- Richey, R. C., and Klein, J. D. 2007. *Design and Development Research: Methods, Strategies, and Issues*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Salleh, N., and Mohamad, Z. 2023. Teacher preparedness for inclusive education in Malaysia: Focus on dyslexia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 48(2): 55-68.
- Shaywitz, S. E., Morris, R., and Shaywitz, B. A. 2021. The nature of dyslexia and the need for early identification. *Journal of Learning Disabilities*, 54(3): 195-208.
- Siddiqui, M. F., and Kaur, M. 2022. Applying Design and Development Research in educational module creation. *Asian Journal of Education and Training*, 8(3): 159-68.
- Snowling, M. J., and Hulme, C. 2020. Annual Research Review: Reading disorders revisited – The critical importance of oral language. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 61(4): 405-21.

- Subramaniam, G., Abdul Wahid, R., and Ismail, F. 2013. Multisensory reading intervention or Malaysian learners with dyslexia: A small-scale evaluation. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1): 15-28.
- Woodcock, J. 2020. Parents' experiences of supporting children with dyslexia: Challenges and strategies. *British Journal of Special Education*, 47(3): 315-30.
- Zamri Mahamod, and Ugartini Magesvaran. 2022. Tahap penguasaan membaca dan menulis murid B40. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 13(1), 10-21.

MOHD SHAHRIL IQBAL BIN OTHMAN
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
shahril.iqbal91@gmail.com

WAN MUNA RUZANNA BINTI WAN MOHAMAD
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
munaruzanna@ukm.edu.my

SYAR MEEZE BIN MOHD RASHID
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
cikgumeeze@ukm.edu.my

*Corresponding author: shahril.iqbal91@gmail.com

Received: 30 September 2025 / Accepted: 19 November 2025 / Published: 5 December 2025